

MEMBACA GERBANG ILMU PENGETAHUAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ

تَشْكُرُونَ ﴿٧٨﴾ (Surah An-Nahl, ayat: 78)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ

اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan umat manusia supaya bertakwa kepada-Nya dengan mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Orang yang bertakwa akan mendapat keberkatan, murah rezekinya, terpelihara dari gangguan musuh, sentiasa mendapat petunjuk dari Allah SWT dan berjaya dari azab akhirat.

Bagi membolehkan manusia melaksanakan tuntutan tersebut, Allah SWT menurunkan kitab suci al-Quran sebagai panduan bagi orang yang mahu bertakwa dan Berjaya. Firman Allah SWT:

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Maksudnya: "Kitab al-Quran ini tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia menjadi petunjuk bagi orang yang (hendak) bertakwa." (S. Al-Baqarah: 2).

Sehubungan itu, menjadi kewajipan bagi setiap individu Muslim mempelajari, menghayati dan mengamalkan keseluruhan isi kandungan al-Quran dalam kehidupan. Sama-samalah kita berusaha memenuhi tuntutan ini agar kita berhasil menjadi orang yang bertakwa, seterusnya memastikan diri hidup dan mati dalam keadaan Islam.

HADIRIN JEMAAH YANG MULIA,

Memasuki pertengahan bulan Ramadan bererti kita dalam suasana memperingati Nuzul Quran atau turunnya al-Quran. Peringatan ini bagi kita kaum muslimin amat penting kerana ia bertujuan menguatkan keyakinan kita terhadap kebenaran al-Quran sebagai wahyu Allah yang luar biasa dan mengajak umat untuk mengamalkan isinya. Tambahan pula, Nuzul Quran merupakan antara peristiwa besar yang terjadi pada bulan Ramadan.

Firman Allah:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ...

Maksudnya: "Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara benar dengan yang salah..." (S. Al-Baqarah: 185)

Melalui ayat ini, Allah SWT menjelaskan bahawa al-Quran itu diturunkan-Nya pada bulan Ramadan. Manakala hikmah penurunannya antara lain untuk menjadi pedoman hidup bagi umat manusia dan sekali gus sebagai mukjizat atas kenabian Muhammad SAW. Justeru, kitab suci al-Quran merupakan hidayah, rahmat, syifa, nur, furqan dan pemberi penjelasan bagi manusia.

Oleh sebab itu, di sepanjang bulan Ramadan ini kita sangat dianjurkan supaya banyak membaca al-Quran. Dengan membaca kitab suci berkenaan, kita akan memperolehi pahala dan keredaan Allah SWT di samping beberapa faedah serta manfaat yang lain.

Tuntutan membaca termasuk berusaha memahami, menghayati dan menyelidiki rahsia ilmu pengetahuan di dalam kitab suci al-Quran itu. Penemuan ilmu serta maklumat dan pelbagai rahsia dalam al-Quran itu adalah bagi membuktikan kewujudan dan kehadiran Allah, Tuhan yang menciptakan segalanya dan hakikat bahawa dunia ini dan segalanya di mayapada ini adalah milik Allah SWT. Ini sejajar dengan kedudukan al-Quran sebagai 'kitab induk' panduan Ilmu pengetahuan untuk memajukan manusia seluruhnya. Di dalamnya terhimpun ayat yang menjelaskan pelbagai perkara meliputi soal tauhid, ibadat, jenayah, muamalat, sains, teknologi dan sebagainya.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Jumhur ulama berpendapat bahawa al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW ketika Baginda sedang berkhalwat di Gua Hira pada malam Jumaat bertepatan tanggal 17 Ramadan tahun 41 daripada kelahiran baginda bersamaan dengan 6 ogos tahun 610 M. Manakala ayat terakhir diturunkan pada hari Jumaat 9 Zulhijjah tahun 10 Hijrah atau tahun 63 dari kelahiran Baginda SAW.

Ayat yang pertama diturunkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril ialah lima ayat pertama daripada surah Al-'Alaq. Firman Allah SWT:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

Maksudnya: "Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya." (S. Al-'Alaq:1-5).

Perintah serta anjuran membaca dalam ayat ini menunjukkan amalan 'iqra' merupakan jalan memperolehi dan menambah ilmu pengetahuan serta sumber ilham baru. Inilah yang dilakukan oleh tokoh ilmuwan Islam terdahulu seperti Ibn Sina, Ibn Al-Haitham, Al-Biruni, Al-Khawarizmi dan lain-lain lagi. Bermula daripada proses pembacaan mendalam terhadap pelbagai bahan bacaan ilmiah khususnya al-Quran, mereka Berjaya mengkaji dan menerokai segala bentuk khazanah ilmu hingga menghasilkan penemuan bernilai serta berkualiti.

Tuntutan membaca ini juga bukan saja meletakkan ilmu sebagai asas utama menimba pengetahuan dan kemahiran, malahan ia juga merupakan cara menyebarkan dakwah menyeru kepada mentauhidkan Allah SWT. Maknanya, tanpa mempunyai budaya membaca akan menyisihkan masyarakat daripada nikmat ilmu yang memandu ke arah kecemerlangan duniawi dan kecemerlangan ukhrawi.

PARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

"Membaca gerbang ilmu" adalah ungkapan yang menyimpulkan faedah serta manfaat yang diperolehi daripada amalan suka membaca. Ini kerana, amalan membaca membolehkan seseorang itu menambah, mengetahui dan menguasai pengetahuan dalam banyak bidang selain menemui petunjuk yang akan memandu manusia ke arah kehidupan lebih sempurna.

Dengan hal yang demikian, membaca merupakan satu amalan mulia yang dapat membentuk insan berilmu pengetahuan dan bermaklumat. Dengan ilmu serta maklumat yang diperolehi membolehkan seseorang itu berfikiran terbuka dan tidak mudah menerima sesuatu perkara itu tanpa usul periksa. Pemikiran tidak akan beku dan dangkal mahupun terkongkong.

Sesungguhnya hanya dengan ilmu, manusia berupaya mencipta kejayaan gemilang seterusnya membentuk satu tamadun terbilang. Ini bermakna, menimba, meneroka dan menguasai ilmu hendaklah dijadikan sebagai keutamaan bagi segenap ruang lingkup dan kegiatan kehidupan. Ia patut menjadi amalan yang membudaya dan berakar umbi dalam masyarakat Islam mengingat bahawa untuk hidup di dunia ini dan untuk menghadapi kematian perlu kepada ilmu pengetahuan.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Jika berpanduan kepada perintah '*iqra*' pada lima ayat pertama surah Al-Alaq, sudah sepatutnya umat Islam muncul sebagai umat yang amat mementingkan ilmu serta mendahului bangsa-bangsa lain dalam pelbagai disiplin ilmu. Tetapi malangnya kebanyakan daripada kita tidak menjadikan amalan membaca itu sebagai budaya hidup. Sebagai natijahnya, kita belum berjaya sepenuhnya menjadi bangsa yang berilmu, maju dan bertamadun tinggi hatta terpaksa bergantung kepada peralatan serta teknologi rekaan orang lain.

Oleh itu, bersempena dengan memperingati peristiwa Nuzul Quran kali ini, marilah kita sedari bersama bahawa amalan membaca merupakan jambatan serta gerbang memperolehi ilmu pengetahuan. Untuk itu, marilah kita menanamkan minat membaca bermula pada diri kita terlebih dahulu. Seterusnya, memupuk amalan mulia tersebut kepada ahli keluarga masing-masing tanpa mengira usia dan kedudukan. Hal ini penting demi memupuk sikap cintakan ilmu dalam diri setiap individu ke arah membina masyarakat yang berbudaya ilmu, bermaklumat dan berkemahiran tinggi yang mampu membangun negara bangsa yang maju dan makmur.

Ingatlah, orang yang berilmu dan beramal dengan ilmunya akan beroleh kesejahteraan hidup. Ini kerana Allah SWT akan mengangkat darjat mereka sebagai mana firman-Nya:

...يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

Yang bermaksud: "...Allah meninggikan darjat orang yang beriman di antara kamu, dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan." (S. Al-Mujadalah: 11).

Sehubungan itu, keghairahan menerokai ilmu pengetahuan dan membaca bahan ilmiah tidak seharusnya melalaikan diri daripada menjadikan al-Quran sebagai salah satu bahan bacaan seharian. Ini bersesuaian dengan martabatnya sebagai kalamullah dan sumber utama bagi segala bentuk ilmu pengetahuan sama ada berkaitan dunia mahupun akhirat. Mendalami isi kandungan kitab Allah SWT akan mendekatkan hamba kepada Penciptanya sekali gus memakmurkan diri dengan ilmu pengetahuan kerana sesungguhnya ilmu Allah SWT itu amat luas umpama lautan yang tidak bertepian.

Firman Allah SWT:

قُلْ لَوْ كَانَ الْبَحْرُ مِدَادًا لِكَلِمَاتِ رَبِّي لَنَفِدَ الْبَحْرُ قَبْلَ أَنْ تَنْفَدَ كَلِمَاتُ رَبِّي وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِ

مَدَدًا ﴿١٦﴾

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): Kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimah Tuhanku, walaupun Kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan." (S. Al-Kahfi: 109).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعْنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِيْ وَلكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah